



**PROGRAM Jalinan Kasih** memberi ruang kepada mahasiswa untuk mendekati masyarakat Orang Asli, sekali gus menyelami isi hati mereka.

## RENTAK kampus

**B**UDAYA kesukarelawan perlu disemai dalam usaha melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik, sekali gus menyumbang bakti kepada masyarakat.

Menyedari hakikat itu, Kelab Eleventh Volunteer iaitu Sekretariat Sukarelawan Siswa Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kesebelas, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Program Jalinan Kasih @ Kampung Orang Asli Sungai Gabai, Hulu Langat Selangor baru-baru ini.

Program yang berlangsung buat julung-julung kali itu melibatkan 46 orang mahasiswa yang mendapat sokongan penuh daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UPM.

**KEADAAN persekitaran penempatan Kampung Orang Asli Sungai Gabai yang menjadi lokasi program.**



PROGRAM Jalinan Kasih @ Kampung Orang Asli Sungai Gabai, Hulu Langat Selangor merupakan inisiatif Sekretariat Sukarelawan Siswa Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kesebelas, Universiti Putra Malaysia.

Program selama sehari itu dirangka khusus bagi menerapkan minat dan memupuk semangat anak-anak Orang Asli dari suku Temuan dalam menuntut ilmu di samping menyumbang bakti kepada masyarakat.

Menyedari hakikat itu, Kelab Eleventh Volunteer iaitu Sekretariat Sukarelawan Siswa Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Kesebelas, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Program Jalinan Kasih @ Kampung Orang Asli Sungai Gabai, Hulu Langat Selangor baru-baru ini.

Program yang berlangsung buat julung-julung kali itu melibatkan 46 orang mahasiswa yang mendapat sokongan penuh daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jaka) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UPM.

**Cakna** Salah seorang peserta, Nur Afifah Ngasri, 21, berkata, program itu dapat memupuk sikap cakna seseorang mahasiswa terhadap isu semasa dalam masyarakat.

"Mahasiswa memainkan peranan penting untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat terutamanya dalam aspek pendidikan.

"Program seperti ini menjadi platform untuk menzahirkan rasa prihatin dan cakna dalam kalangan mahasiswa berhubung isu semasa



NUR AFIFAH

SITI BASSYIRAH

SUGANTHI

yang berlaku," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Nur Afifah berkata, program Jalinan Kasih @ Kampung Orang Asli itu mendapat sumbangan yang menggalakkan dalam kalangan Orang Asli.

"Program ini bukan sahaja disertai oleh kanak-kanak tetapi ibu bapa turut mengambil peluang untuk mempelajari asas-asas membaca.

"Kami bukan sahaja berpeluang mengajar kanak-kanak tetapi dapat mengaplikasikan ilmu yang ada kepada

orang dewasa," ujarnya. Menurut Nur Afifah, pelbagai program lain turut dijalankan termasuk ceramah kebersihan, sukanek dan gotong-royong membersihkan kampung bagi mengerakkan ukhuwah sesama masyarakat.

"Kesemuanya aktiviti yang dijalankan memberi ruang kepada mahasiswa untuk menjelajah masyarakat Orang Asli dengan lebih dekat lagi seterusnya dapat menyelami isi hati mereka.

"La menjadi batu loncatan untuk golongan muda menyumbang sesuatu kepada pembangunan masyarakat khususnya mereka yang memerlukan perhatian," jelasnya lagi.

### Terapi

Sementara itu, Pengarah Projek, Siti Bassyirah Ibrahim, 23, berkata, pihaknya teranggir untuk menganjurkan program itu kerana terdapat ramai anak-anak Orang Asli yang tidak mendapat pendidikan di sekolah.

"Masih ramai anak Orang Asli yang tidak mempunyai siji kelahiran sehingga menyebabkan ibu bapa tidak boleh menghantar mereka ke sekolah.

"Justeru, kami rasa mereka perlu diberi kesedaran berkaitan kepentingan menuntut ilmu bagi memastikan masa depan yang lebih terjamin," jelasnya.

Menurut Siti Bassyirah, pengancangan yang teliti dan kejasama daripada semua pihak menyumbang kepada kejayaan program itu.

"Kami mengambil masa



ANAK-ANAK Orang Asli dilatih untuk mementingkan pelajaran se-terusnya berbakti kepada masyarakat.

MAHASISWA turut terlibat dalam aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan penempatan Orang Asli di Sungai Gabai, Hulu Langat, Selangor baru-baru ini.



AKTIVITI sukanek dijalankan bagi mengerakkan ukhuwah antara mahasiswa dan masyarakat Orang Asli.

selama tiga minggu untuk merancang program ini dengan mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak.

"Tinjauan awal juga telah dilakukan di kawasan perkampungan Orang Asli bagi melihat sendiri keadaan di sana. Perbincangan bersama Tok Batin dibuat bagi memastikan aktiviti program memenuhi keperluan longgaran sosaran," katanya.

Bagi S. Suganthi, 22, dia melihat peluang membantu kanak-kanak Orang Asli dalam pembelajaran sebagai salah satu cara terapi menenangkan fikiran daripada pembelajaran.

"Saya begitu teruja melihat mereka menunjukkan minat untuk mempelajari sesuatu yang baharu dalam hidup mereka. Ia menjadi satu terapi untuk diri saya menenangkan

fikiran.

"Padas masa sama, saya juga dapat memberi motivasi kepada kanak-kanak ini supaya belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading," katanya.

Menurut Suganthi, minatnya untuk menyertai program itu didorong oleh perasaan tanggungjawab menyumbang kepada masyarakat Orang Asli.

"Sudah menjadi tanggungjawab seorang mahasiswa untuk berkhdmat kepada masyarakat dan menyedarkan mereka tentang kepentingan pendidikan.

"Program ini berjaya melatih saya untuk turun padang, mendekati masyarakat Orang Asli dan berkongsi ilmu yang ada bersama mereka," tambahnya lagi.

## Bengkel penulisan jurnal UPSI

PUSAT Program Luar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan mengadakan bengkel Publishing Research Article In High Impact Indexed Journal selama dua hari pada 6 dan 7 Januari ini di Dewan Kuliah 3, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI.

Bengkel ini terbuka kepada ahli akademik, pelajar sivawaz dan mereka yang bermintat untuk meningkatkan kemahiran menulis jurnal.

Proses penyuntingan, revisi dan maklum balas untuk menghasilkan draft jurnal akhir akan dibincangkan.

**Lokasi:** Dewan Kuliah 3, Aras Bewah, Blok 3, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI, Tanjung Malim, Perak

**Tarikh:** 6 dan 7 Januari 2018

**Masa:** 8.30 pagi hingga 4 petang

**Laman web:** [pol.upsi.edu.my/index.php](http://pol.upsi.edu.my/index.php)



**ACARA kampus**

## Foniks \*PINTAR tingkat kemahiran pembelajaran kanak-kanak

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) akan mengadakan program Foniks \*PINTAR iaitu pengajaran yang leratur, sistematis dan fonik untuk membantu kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran membaca serta menulis dalam bahasa Melayu.

Foniks \*PINTAR menggunakan pendekatan sains menerusi pembacaan, pendengaran, kesedaran fonologi dan perbedahan atau kata.

Program ini terbuka kepada ibu bapa, guru tadika, prasekolah dan sekolah rendah, institut latihan guru, pegawai pendidikan dan individu yang bermintat.

**Lokasi:** Kolej Keris Mas, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

**Tarikh:** 13 dan 14 Januari 2018

**Masa:** 8.30 pagi hingga 5 petang

**Laman web:** [www.ukm.my/kita/event/workshop-on-foniks-pintar/](http://www.ukm.my/kita/event/workshop-on-foniks-pintar/)

## KUIM anjur kolokium penyelidikan kebangsaan

UNIT Penyelidikan, Perundingan dan Inovasi Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) akan menganjurkan Kolokium Penyelidikan Kebangsaan 2018 pada 25 Januari ini dengan tema Memartabatkan Penyelidikan Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat.

Melalui Kolokium Penyelidikan Kebangsaan 2018, ia dapat menyebarkan hasil-hasil penyelidikan kepada warga penyelidik yang lain selain bertukar-tukar pandangan serta idea.

**Lokasi:** Kolej Universiti Islam Melaka, Kuala Sungai Baru, Melaka

**Tarikh:** 25

Januari 2018

**Masa:** 9.00 pagi

hingga 5.00

petang

**Laman web:** <https://kaim.edu.my>

